

Kertas putih elak rakyat keliru: PM

BH 27 AUG 2001

Oleh Kadir Dikoh, Magendran Rajagopal dan Mohd Azis Ngah

KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan perlu mengeluarkan kertas putih berkaitan kegiatan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) bagi mengelak kekeliruan masyarakat.

Perdana Menteri berkata rakyat sekarang keliru mengenai isu berkenaan, lebih-lebih lagi dengan dakwaan pembangkang kononnya ia satu lagi sandiwara kerajaan.

“Kita berasa perlu (mengeluarkan kertas putih) tetapi kita menghadapi masalah seperti yang telah saya katakan kes ini akan dibawa ke mahkamah. Kalau kita bagi butir terperinci mengenai kes ini, ia mungkin dianggap

Kerajaan perlu mengeluarkan kertas putih mengenai kegiatan Kumpulan Militan Malaysia kerana rakyat kini dikelirukan dengan dakwaan palsu pembangkang

sebagai cubaan untuk mempengaruhi mahkamah,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Pameran dan Seminar Internet Tamil 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata pembangkang sebenarnya sudah bankrap idea untuk

menjelaskan mengenai sesuatu perkara berbangkit.

“Kalau orang kena bunuh atau apapun, dia kata ini sandiwara. Bagi dia, bunuh orang ini adalah satu sandiwara. Cukup ringan mulut dia, sikit-sikit sandiwara.

“Ia menunjukkan betapa bodohnya mereka ini.

Mereka tidak langsung dapat berhujah selain daripada menyebut sandiwara,” katanya.

Sementara itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata kerajaan akan membentangkan kertas putih mengenai Pertubuhan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Maunah di Parlimen sebaik saja perbicaraan terhadap

anggota kumpulan itu selesai.

Katanya, kertas putih itu juga akan melihat persamaan Peristiwa Memali di Baling, Kedah pada 1985; rampasan bersenjata Al-Maunah di Sauk, Perak pada Jun tahun lalu dan kegiatan KMM.

Najib yang ditemui selepas merasmikan Hari Keluarga Kelab Kakitangan

Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP) 2001 di Taman Tasik Titiwangsa hari ini berkata, kajian mengenai persamaan ketiga-tiga kejadian itu penting bagi melihat kaitannya antara satu sama lain.

“Kita juga ingin membuktikan kejadian itu bukanlah sandiwara kerajaan seperti yang didakwa pembangkang. Perkara itu

memang terjadi kerana memang terdapat bukti sahih.

“Itu hanya helah mereka (pembangkang). Kerajaan akan buktikan tetapi kena tunggu hingga perbicaraan selesai.

“Ini kerana mungkin ia akan mempengaruhi keputusan mahkamah sekiranya dibentangkan terlalu awal,” katanya.